

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Masa: 3 jam

Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan.

1. Pilih dan terangkan lapan (8) konsep berikut dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

- (a) kod
- (b) lambang
- (c) pengampang
- (d) penapisan sendiri
- (e) 'advertisorial'
- (f) pertumpuan media (media convergence)
- (g) perhubungan awam
- (h) 'kitsch'
- (i) genre (dalam konteks filem)

(40 markah)

2. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran berita oleh sebuah organisasi akhbar. Bagaimanakah faktor tersebut mengakibatkan kecenderungan akhbar untuk memfokuskan berita kepada negara 'besar', perniagaan 'besar' dan pihak yang berkuasa?

(30 markah)

3. Bezakan konsep khalayak di antara perspektif "massa" dan pemasaran dengan perspektif yang menganggapkan khalayak yang aktif. Pernah dikatakan bahawa bagaimana khalayak menggunakan media massa tidak boleh dipisahkan daripada kegiatan harian mereka. Bincangkan kenyataan ini.

(30 markah)



4. Walaupun terdapat banyak judul majalah khusus untuk wanita di pasaran, sebenarnya tidak banyak perbezaan dari sudut isi kandungan yang lazimnya cenderung memaparkan wanita secara stereotaip di samping meminggirkan segolongan besar wanita. Dengan menyatakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan bagaimana majalah dikatakan mengukuhkan penstereotaipan dan peminggiran terhadap wanita.

(30 markah)
5. "Periklanan tidak diperlukan dan patut diharamkan memandangkan ia membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan." Adakah anda bersetuju dengan pandangan di atas? Kemukakan hujah menyokong atau menolak dakwaan tersebut.

(30 markah)

-oooOooo-